

# **KL Metropolis fokus utama**

**Sebuah pembangunan guna campur bernilai RM20 bilion**

NUR SHARIEZA ISMAIL

**N**AZA TTDI mengekalkan KL Metropolis yang bernilai RM20 bilion, iaitu sebuah pembangunan guna campur seluas 3.02 hektar, sebagai pembangunan karyatamanya di Lembah Klang.

Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI Sdn Bhd, Datuk Idzham Mohd Hashim berkata, KL Metropolis terus menjadi fokus utama pembangunan.

"Jalan Met 1 Residences telah menunjukkan kenaikan bertambah. Kami yakinkan trend ini akan terus mengukuh menjelang separuh kedua tahun ini apabila kami melancarkan satu lagi produk di sini tidak lama lagi," katanya.



IDZHAM




Met 1 Residences telah menangi anugerah Pembangunan Kondominium Terbaik (Amat Disyorkan) di Lembah Klang oleh Property Guru Asia Property Awards 2018 (APA), Malaysia.

KL Metropolis pula menerima anugerah Pembangunan Komuniti Lestari Terbaik oleh Property Insight Prestigious Developer Award 2018 (PIPDA) pada Jun 2018.

Keyakinan syarikat turut disokong oleh satu lagi produk mereka yang akan menyasarkan pelabur harta tanah yang bakal dilancarkan.

Dengan nilai pembangunan kasar (GDV) bermula lebih RM350 juta, peluang pelaburan ini disasar



Pelan pembangunan KL Metropolis Naza TTDI

kan kepada segmen harta tanah khusus yang potensinya belum pernah dimanfaatkan secara optimum.

Manakala bagi separuh kedua 2018 ini juga bakal menyaksikan pemaju swasta tempatan ini melancarkan komponen perniagaan MET1

di KL Metropolis.

Kawasan tempat makan terbuka, median selera berprestij, ruang pameran mewah dan kemudahan berkaitan yang menyasarkan kawasan sekitar Jalan Dutamas merupakan ciri utama komponen perniaga-

an ini.

Dua lagi projek pembangunan yang masih di tahap pembinaan di KL Metropolis ialah MET Corporate Office Towers oleh Triterra Metropolis Sdn Bhd dan Art Mont Kiara oleh Nusmetro Sdn Bhd.

"Keadaan pasaran yang tidak tentu akan mengurung tidak lama lagi apabila kerajaan memperkenalkan inisiatif baharu kepada masyarakat.

"Apabila pasaran kembali stabil dan sikap tunggu-dan-lihat dalam kalangan pembeli mengurung pasaran harta tanah akan melihat perubahan positif yang dipengaruhi oleh permintaan dalam pasaran oleh golongan berpendapatan sekerhana dan sederhana-atas," kata-nya.

Idzham berkata, sebagai pemaju tempatan yang sensitif dengan permintaan tempatan, Naza TTDI akan memasuki pasaran dengan pembangunan yang menawarkan lokasi yang tepat, taruhan nilai yang betul dan rakaan inovatif untuk pelanggan.

"Namun syarikat juga berminat untuk melebarkan sayap ke pasaran antarabangsa dalam masa terdekat apabila terdapat peluang yang sesuai," katanya.